

# Dasar penswastaan rumusan berkesan

BH - 2 JUN 2001

Oleh Faridah Ismail

## INTIPATI

- Kerajaan melaksanakan penswastaan secara berhemah dengan membuat kajian secara terperinci sebelum meluluskan mana-mana projek bagi memastikan ia tidak berakhir dengan kegagalan.
- Untuk berlaku adil terhadap pengguna, kerajaan sentiasa mengambil alih saham dan aset syarikat bermasalah yang terbabit dalam program penswastaan.
- Kerajaan menetapkan garis panduan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti menjadi pegangan Bumiputera dalam dasar penswastaan negara.

SALAH satu ciri paling menarik dalam sistem ekonomi negara ini ialah program penswastaan. Ia diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta dirangka sekumpulan pakar tempatan.

Rakyat negara ini patut bangga kerana ia dilaksanakan dalam acuan Malaysia sepenuhnya. Malah, sejak diperkenalkan kira-kira 20 tahun lalu, penswastaan meninggalkan kesan besar terhadap sosial dan politik negara.

Sekalipun ada pihak yang membantah, kerajaan akan meneruskan usaha mencapai sasaran penyusunan semula melalui program penswastaan dengan harapan mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi kepada rakyat, usahawan dan pelabur.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) 2001-2005 yang dibentangkan di Parlimen 24 April lalu, kerajaan membuat keputusan untuk meneruskan program ini sebagai strategi membantu pertumbuhan ekonomi.

Selain infrastruktur, peneakanan diberi terhadap projek yang boleh meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat.

Penswastaan dilaksanakan dengan cara berhemah. Kerajaan sentiasa membuat kajian secara terperinci sebelum meluluskan mana-mana projek bagi memastikan ia tidak berakhir dengan kegagalan, terutama bagi projek yang membabitkan perkhidmatan kritikal. Kajian juga mengambil kira kemampuan rakyat dalam penentuan caj dan tarif. Kepentingan awam sentiasa dilindungi dan dipelihara.

Penswastaan memerlukan sistem penilaian teliti walaupun ketika ia masih di peringkat pra-penswastaan. Kerajaan sentiasa mendapatkan maklum balas badan perunding bebas dan berkecuali. Ia juga memantau jadual projek serta kualiti perkhidma-

tan yang bakal diberikan.

Apabila mendapat kontrak, usahawan yang diberi peluang menjayakan program penswastaan juga harus ingat bahawa mereka bukan mendapat segala-galanya. Ia tertakluk kepada kajian semula terhadap perjanjian konsesi yang dimeterai di antara kerajaan dengan syarikat terbabit.

Matlamat kerajaan ialah memastikan rakyat mendapat faedah sebaik mungkin daripada projek yang dijalankan.

Hakikat ini dijelaskan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohammed Khaled Nordin, di Dewan Rakyat awal bulan lalu.

Menurutnya, kerajaan tidak berhasrat melanjutkan tempoh konsesi pungutan tol Jalan Kuching di ibu negara. Dengan itu, pengguna tidak perlu lagi membayar tol apabila perjanjian konsesi kerajaan dengan Kamunting Corporation Berhad tamat pada 7 Januari 2003.

Semua program penswastaan, termasuk projek pem-

binaan infrastruktur baru seperti Lebuhraya Senai-Desaru, Kajang-Seremban dan Western Kuala Lumpur Traffic Dispersal Scheme (Sprint) juga tertakluk kepada kajian semula.

Untuk berlaku adil terhadap pengguna, kerajaan sentiasa mengambil alih saham dan aset syarikat bermasalah yang terbabit dalam program penswastaan. Masalah yang dibiarkan berlarutan bukan saja menggagalkan penswastaan, malah turut merugikan negara dan pengguna.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) 1996-2000, kerajaan beberapa kali mengambil alih saham dan aset syarikat yang terbabit dalam projek sistem pembetulan selain pengangkutan udara dan dalam bandar.

Langkah pengambilalihan itu hanya bersifat interim yang biasanya disusuli sama ada dengan penyusunan atau pelaburan semula. Langkah itu membolehkan kerajaan memiliki aset modal, mana-

kala entiti swasta masih dikekalkan pada pengendali projek.

Pengalaman Malaysia selama 20 tahun dalam program penswastaan begitu mengagumkan. Tenaga Nasional Berhad (TNB), Padiberas Nasional (Bernas), Malaysia Airports Berhad (MAB) dan Syarikat Telekom Malaysia (STM), umpamanya, menunjukkan prestasi memberangsangkan.

Sebahagian daripada syarikat itu mencatatkan keuntungan sehingga sembilan angka selama beberapa tahun berturut-turut. Sebahagian yang lain pula berjaya mengembangkan sayap untuk turut melabur di seberang laut.

Ada syarikat yang beruraura disenaraikan di pasaran saham yang berprestij di luar negara.

Sebelum penswastaan, setiap entiti itu adalah jabatan kerajaan yang tertakluk kepada banyak kerena birokrasi. Selepas diswastakan, ia menjadi entiti baru yang cukup berwibawa dalam perniagaan yang diceburi.

Malaysia sentiasa melaksanakan dasar penswastaan dengan cara yang begitu berhemah. Kerajaan menetapkan garis panduan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti menjadi pegangan Bumiputera.

Penswastaan bukan sekadar menguntungkan usahawan tetapi juga pekerja. Mereka menikmati kenaikan gaji dan elaun serta peluang menyertai skim latihan dan kemahiran. Pekerja dapat meningkatkan tahap profesionalisme dalam pekerjaan dan seterusnya menikmati kenaikan pangkat.

Sebagai contoh, seorang pegawai perhubungan awam di Jabatan Telekom pada 1984 kini menjadi ketua eksekutif sebuah anak syarikat milik penuh STM sesudah jabatan itu diswastakan.

Penswastaan juga boleh mengubah nasib pembantu

# Penswastaan turut untungkan pekerja

BH = 2 JUN 2001

DARI MUKA 29

teknik Lembaga Letrik Negara (LLN) menjadi pengurus wilayah TNB apabila badan berkanun itu diswastakan.

Melalui program penswastakan, kerajaan menguasai kepentingan di 43 syarikat dengan ekuiti bernilai kira-kira RM16.5 bilion. Kerajaan Pusat memiliki saham dalam program ini melalui agensi pelaburan, seperti Khazanah Nasional Berhad dan Menteri Kewangan Diperbadankan.

Kerajaan negeri pula memiliki saham melalui beberapa agensi seperti Menteri Besar

Diperbadankan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Diperbadankan.

Walaupun sentiasa dilanda kontroversi, penswastakan menjadi mekanisme penting bagi meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Sehingga April tahun lalu, usahawan Bumiputera mengurus dan menguasai 109 syarikat dengan ekuiti bernilai RM8.1 bilion. Tanpa penswastakan, hampir mustahil mereka mampu berbuat demikian.

Sebagai negara yang dihuni pelbagai kaum, kerajaan tidak pernah menyisihkan bukan

Bumiputera dalam program ini. Sehingga tempoh yang sama, bukan Bumiputera juga mendapat manfaat dengan menguasai 28 syarikat dengan ekuiti RM5.3 bilion.

Program penswastakan juga tidak menyisihkan orang awam atau usahawan yang gagal menguasai entiti yang diswastakan. Melalui pegangan saham, mereka boleh bersama-sama menggembleng tenaga dan idea untuk memajukan syarikat dan sekali gus memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Syarikat yang dianggap mantap dan berjaya dari sudut

komersial lazimnya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Bagi memastikan orang awam dan usahawan mempunyai peluang yang lebih saksama dan adil dalam program penswastakan, mereka boleh menguasai entiti yang disenaraikan itu.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP-3) yang dibentangkan di Parlimen pada 3 April lalu mencerminkan dasar kerajaan yang cukup berhemah dalam program penswastakan.

Kerajaan adalah 'payung rakyat' yang tidak boleh melepaskan segala kepentingannya ke-

pada sektor swasta. Dalam hal ini, kepentingan kerajaan bermakna kepentingan nasional.

Sehingga April 2000, kerajaan menguasai 41.6 peratus pegangan saham dalam syarikat yang diswasta dan disenaraikan di BSKL. Bakinya dimiliki bukan Bumiputera (27 peratus), Bumiputera (21 peratus) dan rakyat asing (10.2 peratus).

Namun, perlu diingat bahawa program penswastakan bukan untuk menurunkan hujan emas yang melimpah ruah dengan mudah. Kejayaan hanya menjadi realiti hasil usaha yang berterusan dan ber-sungguh-sungguh.